

20 APR 2003

Khair-Umno

ANGGOTA UMNO DIMINTA HENTIKAN BERCAKAP MENGENAI KELEMAHAN PARTI

PULAU PINANG, 20 April (Bernama) -- Pemimpin dan anggota Umno hari ini digesa berhenti dari bercakap dan berbincang mengenai kelemahan dalaman parti tanpa berusaha untuk memperkukuhkan lagi perjuangan parti.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamad Khir Toyo berkata Umno kesal dengan anggota parti yang gemar bercakap mengenai kelemahan dan keburukan parti serta merancang untuk merebut jawatan pada pemilihan parti akan datang.

Katanya, tumpuan sebenar sekarang ialah untuk menghadapi pilihan raya umum selain dari menyelesaikan sebarang masalah rakyat yang timbul di kampung atau kawasan masing-masing.

"Janganlah kita bercakap mengenai kelemahan kerana Umno banyak kekuatan dan kita sepatutnya membuat kerja untuk menarik lebih ramai orang Melayu menyokong perjuangan Umno", kata beliau ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Tanjong di sini.

Katanya, adalah terlalu awal untuk anggota parti membincangkan soal pertandingan jawatan tertentu dalam parti. Sikap seumpama itu akan melalaikan tanggungjawab untuk memastikan kemenangan Umno pada pilihan raya akan datang.

Mohamad Khir berkata, buat masa ini, semua anggota Umno harus menyokong Ketua Umno Bahagian masing-masing dan memberi kerjasama untuk memperkukuhkan lagi perpaduan dalam parti.

Beliau juga meminta semua anggota Umno memberi kerjasama kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mengambil alih pucuk pimpinan parti selepas persaraan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelak.

"Kita harus hormat keputusan Dr Mahathir untuk bersara dan harus memberi kepercayaan bahawa Datuk Abdullah mampu mentadbir parti dengan baik serta meneruskan agenda perjuangan parti," kata beliau.

--BERNAMA

AZE ZB